

Tiada keperluan Hishammuddin letak jawatan: PM

Shah Alam: Tidak ada keperluan untuk Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, meletak jawatan berikutan dikompaun oleh Kementerian Kesihatan (KKM) selepas melanggar prosedur operasi standard (SOP) berkaitan COVID-19.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata

melanggar SOP bukan kesalahan jenayah serta tidak ada kena mengena dengan jenayah.

“KKM sudah keluarkan kompaun dan kalau sesiapa kena kompaun letak jawatan, saya rasa tiada orang boleh bekerja.

“Pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan ramai sudah kena kompaun, jadi semua kena letak jawatan? Jadi, tak perlu.

“Yang penting tindakan diambil, maknanya kerajaan tidak membeza-bezakan individu yang melakukan kesalahan, mereka terbabit boleh jadi menteri, timbalan menteri, ketua jabatan, boleh jadi sesiapa sahaja,” katanya sambil menekankan SOP yang ditetapkan wajib dipatuhi semua pihak.

Perdana Menteri berkata, tin-

dakan kompaun ke atas tiga pemimpin Barisan Nasional (BN) kerana melanggar SOP COVID-19, kelmarin membuktikan kerajaan tidak pilih kasih dalam melaksanakan undang-undang.

“Tidak ada konsep orang atas kayangan tidak kena kompaun, orang bawah yang kena kompaun,” katanya.

Kelmarin, KKM mengarahkan tiga pemimpin BN yang hadir ke pelancaran Briged MIC di Johor Bahru, dikompaun kerana melanggar SOP.

Ia membabitkan Presiden MIC, Tan Sri SA Vigneswaran; Hishammuddin, yang juga Bendahari Agung BN dan Pengerusi BN Johor, Datuk Seri Hasni Mohammad.